

KEMAHIRAN BAHASA ARAB: PENANDA ARAS AGENDA INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

ARABIC LANGUAGE SKILLS: A BENCH MARK FOR INTEGRATION OF NAQLI AND AQLI KNOWLEDGE AGENDA

Mualimin Mochammad Sahid¹
Amar Fettane²

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: mualimin.sahid@usim.edu.my)

²Department of Science in Engineering, Kulliyah of Engineering, International Islamic University of Malaysia
(IIUM), Malaysia, (Email: fettane@iium.edu.my)

Accepted date: 25-11-2018

Published date: 14-04-2019

To cite this document: Sahid, M. M., & Fettane, A. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda Aras Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di USIM. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 12-23.

Abstrak: Terdapat cabaran dalam menguasai bahasa Arab bagi pelajar di institusi pengajian sama ada rendah, menengah mahupun tinggi di seluruh negara. Fenomena lemah dan rendahnya kemampuan pelajar di sekolah dan universiti menjadi satu masalah yang perlu mendapat jawapan dan jalan keluar. Ia adalah punca utama kemerosotan prestasi dan kecemerlangan pelajar dalam matapelajaran dan kursus yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa utama pembelajaran dan pengajaran (PnP). Kejayaan agenda integrasi ilmu naqli dan aqli yang mula populer di kalangan institusi pengajian bergantung kepada tahap kemahiran bahasa Arab. Isu kemahiran bahasa Arab ini jika tidak diberi perhatian akan menjadi halangan dalam menjayakan proses agenda ini. Artikel ini akan membincangkan cadangan kaedah yang boleh digunapakai untuk membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar sama ada yang mengambil kursus pengajian Islam mahupun kursus-kursus yang lain. Di antara kaedah yang digunapakai dalam cadangan meningkatkan kemahiran bahasa Arab pelajar adalah pendekatan berdasarkan latarbelakang kemahiran bahasa pelajar, pembelajaran berpusatkan pelajar (student-centered learning), kadar kandungan kursus dan juga persekitaran yang baik. Jika cadangan-cadangan ini dilaksanakan dengan baik, ia akan memberi kesan positif dan hasil yang memberangsangkan ke atas peningkatan tahap kemahiran pelajar dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Arab dan presatasi akademik mereka. Cadangan ini perlu dilaksanakan di peringkat yang lebih luas khasnya institusi-institusi pengajian yang berasaskan Islam agar usaha kejayaan dalam pendidikan berasaskan integrasi Naqli dan Aqli dapat dicapai.

Kata Kunci: Kemahiran, Bahasa Arab, Penanda Aras, Integrasi, Ilmu Naqli dan Aqli

Abstract: There is a challenge in mastering Arabic language for students in learning institutions whether it is primary, secondary or higher levels throughout the country. The phenomenon of weakness and the low ability of students in schools and universities becomes a

problem that needs to get answers and solutions. It is considered as a major cause of students' deterioration and their academic performance in subjects and courses that use Arabic as the main language of learning and teaching process. The success of Naqli dan Aqli knowledge integration which is well known and implemented in various learning institutions depends on the level of Arabic language skills. This issue if not addressed properly would be an obstacle to the agenda of Naqli and Aqli knowledge integration at these institutions. This article will address issues of Arabic language skills among students and discuss the proposed methods that can be used to help improve students' academic excellence either those taking courses in Islamic subjects or other courses. Among the methods adopted in the proposal of improving students' skills in Arabic language is the approach based on the background of student language skills, student-centered learning, the content of courses and a good environment. If these proposals are implemented well, it would have a positive impact and encouraging results on improving the skills level of students in Arabic conversation and their academic performance. This proposal should also be implemented at a wider level especially in the Islamic subjects-based institutions in order to achieve success in education system which is based on Integration of Naqli and Aqli knowledge.

Keywords: Arabic Skills, Integration, Naqli and Aqli Knowledge

Pengenalan

Kemahiran bahasa Arab bagi pelajar-pelajar di institusi pengajian Malaysia sama ada rendah, menengah mahupun tinggi merupakan satu perkara yang sangat penting. Bukan hanya pelajar yang mengambil program pengajian Islam sahaja, bahkan pelajar-pelajar lain di pelbagai fakulti juga perlu memiliki kemahiran ini. Tujuannya adalah untuk memastikan kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) dapat dicapai (Rosni, 2009). Tahap kemahiran ini akan menjadi pananda aras bagi kejayaan pelajar dalam bidang-bidang yang diambil, khususnya pengajian Islam. Kemahiran ini meliputi empat komponen utama iaitu mendengar (*istima'*), membaca (*qira'ah*), bercakap (*kalam*) dan menulis (*kitabah*). Justeru, kelemahan dalam menguasai bahasa Arab dan keupayaan yang kurang dalam memahami bahasa Arab akan menjadi punca utama kemerosotan prestasi dan rendahnya kualiti pemahaman serta pengetahuan pelajar khususnya mereka yang mengambil kursus-kursus dalam pengajian Islam.

Bagi institusi pengajian tinggi dalam negara yang menggunakan sistem pembelajaran dan pengajaran (PnP) dalam dua bahasa utama, iaitu Arab dan Inggeris (seperti yang di amalkan di Universiti Sains Islam Malaysia USIM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia IIUM) menjadi kemestian untuk memastikan tahap kemahiran pelajar-pelajarnya mengikut standard yang digariskan. Oleh itu, kejayaan pelajar menguasai dua bahasa ini dan kemahiran yang baik menjadi kunci utama kejayaan mereka dalam setiap kursus yang diambil. (Wan Azura, 2005)

Sebagai usaha ke arah memastikan pelajar-pelajar dapat mencapai matlamat universiti dan membantu mereka menguasai dua bahasa pembelajaran dan pengajaran utama ini, pelbagai upaya telahpun dilaksanakan. Diantaranya adalah penetapan syarat kemasukan ke fakulti-fakulti pengajian Islam yang tinggi untuk subjek bahasa Arab, program dan kursus wajib bahasa Arab yang perlu diambil oleh setiap pelajar, seperti kursus-kursus wajib bahasa Arab, program intensif bahasa Arab lain yang dilaksanakan pada setiap semester, serta program-program sokongan seperti kem-kem bahasa Arab, kelab-kelab pidato dan debat bahasa Arab, *mahrajan Thaqafi* dan lain-lain. (Wan Azura, 2005)

Walaubagaimanapun, usaha-usaha seperti tersebut di atas dilihat masih belum mampu membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar pengajian Islam secara keseluruhan. Justeru menjadi kemestian untuk mencari jalan lain dan usaha lebih untuk dapat memperkasa bahasa Arab dan meningkatkan kemahiran serta minat pelajar dalam bahasa ini. Artikel ini akan membincangkan dan mengemukakan cadangan serta pandangan untuk dijadikan rujukan dalam usaha menggembelng pelajar dengan kemahiran bahasa Arab yang baik supaya mampu membantu mereka dalam meningkatkan prestasi dan kecemerlangan akademik.

Kemampuan Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Islam

Matlamat kebanyakan institusi pengajian tinggi islam di seluruh Negara adalah berjaya dalam prestasi akademik para pelajarannya. Sebagai contoh adalah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang bercita-cita menjadi universiti yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli, serta menjadi sebuah universiti rujukan di rantau ASEAN sebelum tahun 2020. Sudah sewajarnya bagi universiti-universiti ini membuat persiapan awal dan menyediakan komponen yang akan membantu merealisasikan matlamat tersebut. Untuk dapat menguasai ilmu Naqli supaya boleh dipadukan dengan ilmu aqli, diperlukan komponen utama yang menjadi syarat, iaitu kemampuan menguasai bahasa Arab sebagai bahasa Al-Qur'an dan As-Sunnah yang menjadi dua sumber utama ilmu-ilmu Naqli.

Bagi memastikan kejayaan matlamat integrasi kedua-dua ilmu ini dapat dicapai, perlu proses dan upaya memastikan kemahiran bahasa Arab sebagai bahasa utama yang digalas bersama oleh guru dan para pelajar. Tidak dinafikan masih terdapatnya pelbagai cabaran dalam memastikan agenda universiti berjaya dilaksanakan. Seperti masih lemahnya kemampuan dua bahasa utama pembelajaran dan pengajaran, khasnya bahasa Arab. (Ishak, 1992)

Namun, jika dilihat daripada fakta dan fenomena yang ada, sebenarnya terdapat banyak faktor yang dapat membantu meningkatkan kemahiran bahasa dan memberi sumbangan yang dimanfaatkan sebagai suatu peluang yang baik untuk kemaslahatan semua. Ia telah ada dan dilaksanakan di universiti meskipun perlu dipertingkatkan dan ditambahbaik lagi.

Berikut adalah di antara fakta dan fenomena latar belakang yang patut diambil kira dalam usaha ke arah memperbaiki kualiti kemahiran bahasa Arab pelajar:

Faktor Yang Membantu Meningkatkan Kemahiran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Universiti

Bahasa Arab Sebagai Syarat Kemasukan Ke Universiti

Seperti yang sedia dimaklumi, latar belakang pelajar yang diterima masuk di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta di Malaysia kebanyakannya berasal daripada sekolah-sekolah menengah agama. Disamping itu, syarat kemasukan ke universiti adalah menerusi nilai dan pencapaian matapelajaran bahasa Arab yang baik. Bahkan universiti Islam awam seperti Universiti Sains Islam Malaysia meletakkan syarat sekurang-kurangnya kepujian gred C dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi. (Syarat kemasukan khas Sarjana Muda, USIM 2019). Justeru itu, dianggarkan kebanyakan pelajar yang diterima masuk di universiti dalam pengajian Islam mereka mampu memahami asas-asas bahasa Arab dan mempunyai pembendaharaan kosakata Arab (*mufrodat*) yang cukup banyak disebabkan adanya pendedahan kepada bahasa ini dari sejak peringkat sekolah rendah lagi. (Sohair, 1990)

Oleh yang demikian, perkara ini adalah satu kelebihan tersendiri yang membantu memudahkan proses menguasai dan mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab. Kerana para pendidik daripada kalangan pensyarah dan guru sepatutnya tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan dasar pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan bahasa Arab untuk kursus-kursus yang diambil. Meskipun latarbelakang bahasa Arab para pelajar ini tidak menjadi satu kemestian yang mereka mampu aktif dalam bertutur dan memahami bahasa Arab, tetapi sekurang-kurangnya para pendidik tidak menghadapi kesulitan dibandingkan jika mereka mengajar pelajar yang tidak memiliki latarbelakang bahasa seperti mereka.

Memang tidak dinafikan bahawa kebanyakan kemampuan bahasa Arab para pelajar ini hanyalah dapat dilihat di atas kertas (sijil peperiksaan) sahaja (kerana kebiasaannya didapati mereka sangat lemah dari segi kemahiran bercakap dan menulis). Namun boleh dipastikan bahawa sekiranya terdapat peluang dan persekitaran yang baik, tidak mustahil mereka dapat dengan mudah memiliki kemahiran yang cukup untuk berjaya dalam pengajian Islam yang diambil.

Program Sokongan Bahasa Arab di Universiti

Terdapat pelbagai program dan aktiviti sokongan yang diadakan semasa pelajar di peringkat pra-universiti (*tamhidi*) lagi, dan juga adanya program atau kursus wajib seperti Bahasa Arab Asas, Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Arab untuk tujuan akademik dan lain-lain. Program-program ini sangat membantu meningkatkan minat dan juga pendedahan pelajar kepada bahasa Arab. Meskipun program-program ini belum sepenuhnya berjaya mencapai matlamatnya kerana tidak dibuat secara terus-menerus dan berkesinambungan (*continuous*), namun tidak dinafikan telah memberikan impak yang sangat baik bagi para pelajar dalam membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab. Satu perkara penting yang menjadi pengetahuan para pelajar adalah bahawa bahasa Arab adalah medium penting untuk memahami kursus-kursus yang akan diambil. Oleh itu, mereka akan didedahkan dari masa ke semasa kepada pembelajaran bahasa Arab.

Tenaga Pengajar Luar Negara (Penutur Asal Bahasa Arab)

Kewujudan tenaga pengajar yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah luar negara yang kebanyakannya penutur asli bahasa Arab juga merupakan peluang terbaik untuk dimanfaatkan. Para pensyarah ini sememangnya akan mengajar kursus-kursus pengajian Islam menggunakan bahasa Arab sepenuhnya, kerana tidak mampu atau tiada asas untuk mengajar dalam bahasa Melayu ataupun Inggriz. Oleh itu, keadaan ini menjadi satu peluang dan kesempatan untuk para pelajar berkomunikasi dan berinteraksi dengan para pensyarah luar negara dalam aktiviti sehari-hari menggunakan bahasa Arab. Secara tidak langsung, aktiviti dan situasi seperti ini akan banyak membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar.

Faktor Penghalang Tahap Kemahiran Bahasa Arab Dalam Kurikulum di Universiti Islam

Di samping adanya faktor-faktor yang membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab dan kualiti kefahaman para pelajar dalam proses pembelajaran dan pembelajaran (PnP) seperti tersebut di atas, terdapat juga beberapa faktor yang sebaliknya, iaitu yang dianggap sebagai antara punca terbantutnya pencapaian prestasi dan kualiti bahasa Arab para pelajar, di antaranya adalah seperti berikut:

Jam Pelajaran Bahasa Arabi Tidak Mencukupi

Ketiadaan subjek Tata Bahasa Arab (*Nahu dan Saraf*) untuk diajarkan pada setiap semester bagi pelajar-pelajar yang mengambil program pengajian Islam. Seperti yang sedia dimaklumi,

universiti-universiti Islam di Malaysia tidak meletakkan kursus bahasa Arab (seperti *Nahu* dan *Saraf*) sebagai satu kursus wajib dalam kurikulum pengajian yang majoriti kursusnya (wajib fakulti) menggunakan bahasa Arab. Perkara ini sangat berbeza dengan apa yang diamalkan di universiti-universiti Islam luar negara (Timur Tengah misalnya). Di universiti-universiti ini, dalam fakulti pengajian Islam diwajibkan kepada semua pelajar untuk mengambil dua kursus wajib setiap tahunnya iaitu kursus *Nahu* dan *Saraf*. Keduanya adalah merupakan matapelajaran wajib pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian untuk semua program pengajian Islam dan bukan hanya untuk pengajian bahasa Arab di fakulti sastera Arab sahaja.

Perbezaan ketara inilah yang menjadi punca perbezaan besar di antara pelajar universiti ini dan universiti-universiti luar negara (Timur Tengah) khasnya dalam kemampuan dan kemahiran bahasa Arab. Maka tidak hairan graduan pengajian Islam dari dua institusi pengajian yang berbeza ini tidak sama dari segi prestasi dan kualitinya.

Peluang Interaksi Dan Berlatih Bahasa Arab Yang Kurang

Berdasarkan kepada ketiadaan kursus bahasa Arab wajib untuk semua pelajar sepanjang tempoh pengajian, maka sebagai akibatnya kadar jam belajar bahasa Arab menjadi kurang dalam setiap minggunya. Perkara inilah yang menjadi punca peluang berinteraksi dengan bahasa Arab sangat minima dan tidak mencukupi untuk dapat menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kebanyakan mata pelajaran dalam program-program pengajian Islam.

Pengajaran Menggunakan Kaedah Terjemah

Seperti yang diterima daripada maklumbalas dan laporan daripada para pelajar di Universiti-universiti tempatan, masih terdapat sebahagian pendidik (guru dan pensyarah) yang mengambil jalan mudah dengan menggunakan bahasa kedua atau kaedah mengajar dengan terjemahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PnP) dalam kelas. Sudah sedia dimaklumi bahawa proses pembelajaran dan pengajaran subjek-subjek bahasa Arab akan kurang kesan dan natijahnya jika sekiranya diajar menggunakan bahasa selain bahasa asal (Arab). Disamping akan menjadikan pelajar kurang semangat mempelajari bahasa asal, ia juga menjadi punca pelajar tidak akan mahir bahasa asal kerana akan lebih cenderung memahami bahasa asal (Arab) menggunakan bahasanya sendiri (kaedah terjemah).

Dikuatiri kaedah dan cara pembelajaran dan pengajaran seperti ini akan membantutkan prestasi pelajar bukan sahaja dalam pencapaian ujian untuk kursus yang diambil (kerana kesemuanya perlu difahami dan dijawab dalam bahasa Arab), tetapi juga kualiti pemahaman dan keilmuan pelajar kerana maklumat yang didapati bukan daripada bahasa asal (Arab) tetapi menerusi bahasa kedua yang sudah dipastikan tidak dapat membuat terjemahan yang sempurna. Tidak diragukan lagi bahawa memahami ilmu-ilmu Naqli (yang bersumber daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah) dalam bahasa asalnya (Arab) adalah jauh lebih baik dan lebih digalakkan daripada menggunakan bahasa perantara (kedua) menerusi kaedah terjemahan. (Hasan Basri, 2005)

Model Dan Cadangan Aktiviti Sokongan Untuk Mempertingkatkan Penguasaan Dan Kemahiran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Pengajian Islam

Dalam tajuk ini, penulis cuba membincangkan model dan cadangan program dan aktiviti untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar pengajian Islam di universiti-universiti tempatan. Sebagai model dan contoh, akan diambil beberapa program dan aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan di fakulti Syariah dan Undang-undang khasnya program fiqh dan fatwa, di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Secara umumnya program dan aktiviti ini boleh digunapakai di fakulti-fakulti pengajian Islam lainnya, tetapi sebagai

model yang telah diamalkan, artikel ini akan mengambil contoh dan pengalaman yang telah dilaksanakan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM.

Disamping pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan oleh universiti di setiap fakulti untuk tujuan mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar, di bawah ini adalah antara model dan cadangan program serta aktiviti yang dapat membantu pelajar pengajian Islam mencapai matlamatnya untuk berjaya dalam mata pelajaran dan meningkatkan kualiti kefahaman ilmu-ilmu Naqli yang dipelajari.

Pertama: Menghidupkan Persekitaran Bahasa Arab Di Fakulti

Mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang baik adalah salah satu usaha ke arah memperkasakan bahasa Arab di kalangan pelajar. Ianya boleh dibuat menerusi aktiviti-aktiviti bahasa Arab sehari-hari, seperti mengadakan Sudut bahasa Arab (*Arabic Speaking Corner*), menggalakkan para pendidik di fakulti (guru dan pensyarah) untuk berkomitmen (*iltizam*) dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab dengan para pelajar, menerbitkan risalah-risalah pendek berbahasa Arab, serta hebahan atau pengumuman dalam papan kenyataan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.

Kedua: Kelab Bahasa Arab Di Fakulti

Menubuhkan satu medium atau *wasilah* yang menghimpunkan para pencinta dan peminat bahasa Arab dalam satu tempat adalah satu usaha yang sangat bermanfaat. Justeru, kewujudan kelab Bahasa Arab di Fakulti untuk menampung dan mengumpulkan para pelajar yang berbakat dan berkemampuan lebih serta mereka yang berminat untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Arab sangat berguna bagi para pelajar.

Menerusi kelab ini, para pelajar akan sentiasa berinteraksi dan belajar bersama ke arah matlamat yang sama iaitu meningkatkan kemahiran Arab menerusi program-program sokongan yang dibuat. Disamping itu ianya bertujuan mempromosikan kewujudan kumpulan pelajar yang ingin berlatih dan mengamalkan kemahiran bahasa Arab yang mereka pelajari di ruang-ruang kelas. Dengan usaha bersama untuk menarik lebih ramai ahli kelab bahasa Arab, mereka memiliki matlamat murni menerusi aktiviti-aktiviti kelab ini, iaitu menyebarkan kesedaran bahawa menguasai bahasa Arab adalah kunci kejayaan memahami ilmu-ilmu Naqli dari bahasa asalnya (Arab). Dan boleh dipastikan jika mereka berjaya dalam menguasai bahasa Arab di luar bilik kuliah, mereka juga akan berjaya mencapai kecemerlangan dalam setiap kursus yang diambil.

Ketiga: Kelas-Kelas Dan Halaqah (Durus) Bahasa Arab

Terdapat kaedah fiqh yang mengatakan: *ma la yudroku julluhu la yutroku kulluhu* (apa yang tidak dapat dicapai kesemuanya tidak sepatutnya ditinggalkan keseluruhannya) (Al-Sarami, 2008). Berdasarkan kaedah ini, tidak sepatutnya ketiadaan subjek wajib bahasa Arab (*Nahu* dan *Saraf*) dalam kurikulum universiti untuk pengajian Islam sepanjang tempoh pengajian menjadi punca pelajar langsung tidak mempelajari bahasa Arab. Maka perlu diwujudkan satu kesempatan dan peluang para pelajar untuk mempelajari ilmu asas bahasa Arab (*Nahu* dan *Saraf*) di luar bilik kuliah.

Oleh itu, mengadakan kelas-kelas (*halaqah durus*) bahasa Arab seperti kajian buku-buku klasik *matan Nahu* dan *Saraf* untuk memantapkan kemampuan pelajar dalam kaedah bahasa Arab menjadi kemestian. Untuk merealisasikan objektif ini, fakulti-fakulti pengajian Islam di universiti dicadangkan untuk menubuhkan kelab Bahasa Arab (*Nadi Lughah*) misalnya bagi memberi peluang pengajaran dan latihan bahasa Arab yang lebih banyak kepada para pelajar.

Tidak perlu mengambil banyak masa pelajar, sekali seminggu selama satu jam sahaja sudah sudah mencukupi untuk membantu menciptakan persekitaran bahasa Arab di fakulti.

Jika *halaqah* seperti ini dilakukan berterusan dan dihadiri para pelajar fakulti ditambah dengan aktiviti-aktiviti bahasa Arab yang lainnya, sudah tentu akan memberikan impak positif kepada para pelajar dalam meningkatkan kemahiran bahasa Arab. Kewujudan kelab-kelab, seperti kelab bahasa Arab (Nadi Lughah) ini, disamping para pelajar didedahkan kepada kaedah-kaedah bahasa Arab (*Nahu dan Saraf*) yang dapat meningkatkan kemampuan dan kemahiran bahasa Arab, mereka juga mempunyai kesempatan berinteraksi dengan rakan-rakan mereka dan berlatih berkomunikasi dalam bahasa Arab bersama-sama dengan dipandu oleh guru pembimbing (*mentor*).

Keempat: Kelas Dan Halaqah Kajian Kitab Klasik (Turath)

Di antara program yang perlu diadakan untuk membantu mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang baik adalah kelas dan *halaqah* buku-buku kajian Islam klasik (*turath*) berbahasa Arab, seperti *matn Abi Shuja'* dalam bidang fiqh Syafi'ie, *halaqah Ahadis Ahkam* (seperti kitab *Umdatul Ahkam*), *halaqah tafsir*, dan buku-buku lain yang merupakan rujukan ilmu-ilmu Naqli. Kelas dan *halaqah* seperti ini bukan sahaja dapat membantu memperkasa kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar, tetapi yang lebih penting daripada itu adalah mempertingkatkan pengetahuan pelajar dalam ilmu-ilmu fiqh dan hadis.

Semanganya para pelajar telah sedia mempunyai jadual tersendiri dalam ilmu-ilmu kajian dan hukum Islam seperti ini menerusi jam pelajaran mereka di dalam dewan kuliah mahupun kelas-kelas tutorial. Namun, terdapat perbezaan yang ketara di antara dua aktiviti keilmuan ini, iaitu kelas-kelas *halaqah* di luar kuliah dan tutorial ini tidak terikat dengan peperiksaan mahupun projek tulisan serta pembentangan di kelas, sehingga pelajar yang mengikutinya tidak mempunyai tujuan lain kecuali mendapatkan ilmu dan kefahaman. Kebanyakan pelajar yang mengikuti *halaqah durus*, mereka datang dan duduk semata-mata kerana ilmu bukan kerana peperiksaan ataupun markah.

Oleh itu, sebagai usaha merealisasikan kewujudan persekitaran bahasa Arab dan keilmuan di kalangan para pelajar, pihak fakulti di universiti tempatan bekerjasama dengan kelab-kelab pelajar, seperti kelab Bahasa Arab (Nadi Lughah) dan juga persatuan pelajar yang lainnya perlu menggalakkan diadakannya majlis ilmu dan *halaqah durus* setiap minggu di fakulti, khasnya pada masa hari ko-kurikulum pelajar atau masa-masa dimana pelajar mempunyai kekosongan.

Sebagai contoh yang dilaksanakan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, terdapat beberapa majlis ilmu (*Halaqah*) seperti majlis bacaan dan kajian buku Hadis Ahkam (*Umdatul Ahkam*) yang diadakan dua kali seminggu di Surau fakulti selama 15 menit sebelum solat Zuhur berjemaah. Dibimbing oleh para penarah yang bergilir-gilir dalam membaca dan mensyarah kitab ini, para peserta adalah kebanyakannya dari kalangan pelajar lelaki fakulti yang akan menunaikan solat Zuhur. Sambil menunggu selama 15 minit sebelum masuk waktu dan azan dikumandangkan, mereka memanfaatkan masa itu untuk mendengarkan bacaan dan syarahan hadis-hadis sahih dari kitab *Umdatul Ahkam* dalam bahasa Arab sepenuhnya.

Majlis ilmu (*halaqah*) yang lain adalah kajian teks (*matan*) Abi Syuja' dalam *fiqh As-Syafi'i* yang dijalankan setiap sekali dalam seminggu selama satu jam. Kelas kajian kitab ini dihadiri oleh para pelajar fakulti Syariah dan juga fakulti-fakulti lain. Kelas *halaqah* yang diadakan sekali setiap minggu ini adalah bagi memberikan peluang para pelajar yang mempunyai waktu

luang agar dapat digunakan untuk menghadiri majlis-majlis ilmu di luar bilik kuliah. kesempatan ini digunakan oleh para pelajar yang ingin menimba ilmu dan datang semata-mata berniat mempertingkatkan keilmuan dan kefahaman mereka khususnya dalam bidang fiqh Syafi'ie disamping berlatih kemahiran bahasa Arab yang dibimbing oleh pensyarah daripada penutur asal (Arab).

Kelima: Aktiviti Bahasa Arab Di Luar Bilik Kuliah Secara Dalam Talian (Online) Menerusi Media Sosial

Sebagai satu usaha mewujudkan persekitaran bahasa Arab yang baik, para pelajar sama ada ahli kelab Bahasa di fakulti mahupun persatuan lain dapat melaksanakan aktiviti berlatih bahasa Arab di luar bilik kuliah menerusi teknologi informasi (ICT) dan media sosial yang sedia ada secara online. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan menghimpunkan para peminat dan pencinta bahasa Arab di kalangan pelajar dari pelbagai fakulti agar dapat saling berinteraksi dan berlatih bahasa Arab.

Sebagai contoh, penubuhan satu kumpulan *Lughatuna Hawiyyatuna* (Bahasa Arab adalah identiti kami) menerusi aplikasi mobile dan sosial media *Whatsapp* dan *Telegram*. Kumpulan ini menghimpunkan beratus ahli di kalangan pelajar dan pensyarah dari pelbagai fakulti. Bahkan di antara ahli kumpulan *whatsapp* ini adalah berasal daripada institusi luar universiti yang ikut bergabung dan meramaikan aktiviti komunikasi bahasa Arab bersama para pelajar. Menerusi aktiviti dalam kumpulan ini yang mempunyai syarat wajib menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam berkomunikasi dan menulis segala pesanan ringkas. Para pelajar yang merupakan ahli kumpulan sosial media ini dapat berkongsi maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan nasihat, keilmuan dan maklumat-maklumat yang bermanfaat lainnya. Disamping itu, mereka juga menggunakan kesempatan secara dalam talian ini untuk berlatih bahasa Arab khususnya kemahiran menulis dan bercakap menerusi pesanan dalam bentuk tulisan dan suara (*audio*).

Bukan sahaja aktiviti berkomunikasi menerusi aplikasi *Whatsapp*, para pelajar juga dapat memanfaatkan khidmat media sosial lain yang sangat popular saat ini, iaitu laman *Facebook*. Mereka dapat membuka akaun khas (*Facebook group*) untuk para peminat dan pencinta bahasa Arab supaya dapat saling berlatih menerusi media ini. Agar matlamat penubuhan kumpulan-kumpulan atas talian di media sosial ini dicapai, perlu diletakkan syarat setiap pesanan yang dihantar dan komunikasi yang dibuat mestilah menggunakan tulisan dan bahasa Arab. Segalanya difokuskan untuk melatih kemahiran menulis, membaca dan mendengar dalam bahasa Arab di luar bilik kuliah.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti luar bilik kuliah seperti ini dan memanfaatkan media teknologi informasi yang sedia ada, para pelajar diberi kesempatan untuk saling berhubung dan berkongsi menggunakan bahasa Arab, serta menggalakkan mereka agar sentiasa berlatih dan berinteraksi dalam bahasa Arab dalam kehidupan seharian mereka.

Keenam: Bengkel Memperkasa Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Fakulti

Selain aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para pelajar di fakulti, pihak fakulti sendiri juga dicadangkan untuk mengadakan bengkel-bengkel pemantapan kemahiran bahasa Arab kepada para pelajar. Fakulti dapat memperuntukkan bajet khas untuk menjalankan bengkel pemantapan bahasa selama sehari yang diwajibkan ke atas semua pelajar fakulti, khususnya tahun satu. Meskipun sifatnya hanya sekali dalam setahun, program sebegini boleh dijadikan sebagai usaha ke arah memperkasa kemahiran bahasa arab di kalangan pelajar. Program yang berlangsung selama sehari penuh ini diisi dengan pelbagai aktiviti untuk menaikkan semangat

pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dan mendedahkan para pelajar kepada cara dan teknik belajar bahasa Arab efektif dan menarik.

Untuk menjayakan bengkel ini, perlu dijemput pakar motivasi bahasa Arab dan individu yang mempunyai pengalaman menaikkan semangat pelajar dalam mencintai bahasa Arab dan memahami kepentingannya dalam proses pembelajaran. Disamping itu, pelajar juga diajarkan kaedah menulis bahasa Arab yang baik dan benar serta dilatih untuk memperbaiki kualiti tulisan mereka untuk dimanfaatkan dalam menjawab soalan dalam peperiksaan setiap kursus yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.

Cadangan Program Dan Aktiviti Lain Untuk Meningkatkan Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar di Fakulti Pengajian Islam

Selain program dan aktiviti yang perlu dijalankan bagi memberikan peluang yang lebih baik kepada para pelajar untuk berlatih dan belajar bahasa Arab, pihak niversiti juga dicadangkan untuk menggalakkan terciptanya persekitaran bahasa Arab yang baik di setiap fakulti, dan juga menerusi penulisan warga pendidik khasnya dalam bidang yang menyokong pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi para pelajar. Diantara contoh aktiviti yang perlu dicadangkan adalah seperti berikut:

Menyediakan Buku Rujukan Dalam Bentuk Kamus Atau Ensiklopedia

Para pendidik (guru dan pensyarah) dapat menyediakan satu buku rujukan yang boleh digunapakai oleh para pelajar untuk memudahkan pemahaman mereka dalam setiap kursus yang diambil. Dicadangkan, buku rujukan ini adalah berbentuk kamus atau ensiklopedia yang mengandungi istilah-istilah penting dan popular dalam semua kursus-kursus (subjek) yang diajarkan di fakulti. Istilah-istilah penting yang biasa dijumpai di dalam buku-buku teks atau modul-modul kursus dan kebiasannya pelajar merasa susah untuk memahaminya, akan dikumpulkan dan diberikan makna dan tafsiran menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami. Dengan kewujudan kamus istilah seperti ini, akan banyak membantu mempermudah jalan para pelajar memahami teks-teks yang dipelajari dalam bahasa asalnya (bahasa Arab).

Galakkan Kepada Para Pendidik (Guru dan Pensyarah) Melazimi Komunikasi Menggunakan Bahasa Arab Di Dalam Dan Di Luar Bilik Kuliah

Adalah menjadi kemestian bagi para pendidik untuk berjaya dalam tarbiyah dan proses pembelajaran dan pengajaran untuk menjadi teladan dan contoh kepada murid-murinya. Justeru, menjadi kesalahan jika pensyarah tidak menunjukkan contoh yang baik dalam menggunakan bahasa Arab semasa mengajar. Meskipun ianya satu cabaran tersendiri untuk melazimi berkomunikasi dalam bahasa Arab kepada para pelajar, namun kesan baik yang ditimbulkan jika berbuat demikian akan sangat dirasai pelajar itu sendiri. (Zaini, 2017)

Oleh itu, perlu adanya galakkan kepada para pendidik (pensyarah) untuk melazimi (*iltizam*) menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi dan bahasa pembelajaran dan pengajaran (PnP) di bilik-bilik kuliah. Fenomena menerangkan matapelajaran dengan menggunakan bahasa kedua adalah perlu dikurangkan, dan kalau perlu dilarang sama sekali agar proses pembelajaran dan pengajaran (PnP) dapat memberikan kesannya yang baik.

Pensyarah perlu berusaha dan berlatih untuk menggunakan bahasa yang sederhana dan mudah untuk difahami oleh pelajar tanpa perlu menggunakan terjemahan. Amalan sebegini menepati satu kaedah pengajaran bahasa Arab kepada penutur selain arab menerusi kaedah menggabungkan isi kandungan dan pelajaran bahasa, atau yang lebih dikenali dengan istilah *Content and language Integrated Learning* (CLIL). Kaedah ini bermaksud mengajarkan isi

subjek yang diajarkan bersamaan dengan pengajaran bahasa dalam satu masa. Kebaikan yang dibawa oleh kaedah ini adalah, disamping mempelajari subjek yang diajar, pelajar juga mempelajari bahasa Arab dalam masa yang sama. Justeru itu, mengajar dengan menggunakan kaedah terjemah akan menjejaskan tujuan pembelajaran dan dikuatiri pelajar semakin tidak memahami matapelajaran dalam bahasa asalnya (Arab) kerana sentiasa bergantung kepada bahasa kedua. Sebagai akibatnya prestasi kecemerlangan pelajar terbantut disebabkan tidak mampu menulis dengan baik semasa menjawab kertas peperiksaan. (Wan Azura, 2005)

Program Dan Aktivi Sokongan Akademik Di Fakulti

Untuk membantu meningkatkan kemahiran bahasa Arab pelajar, pihak fakulti perlu menggalakkan atau bahkan mewajibkan para pelajar untuk hadir dan terlibat sama dalam program-program sokongan akademik di peringkat fakulti yang menggunakan medium bahasa Arab sepenuhnya seperti bengkel fiqh dan usul fiqh, syarahan-syarahan dari para pakar Syariah, serta seminar dan persidangan dalam fakulti.

Pelajar perlu didedahkan kepada program-program seumpama ini sebagai satu aktiviti melatih kemahiran bahasa Arab dan menarik minat, serta meningkatkan pengetahuan dan keilmuan pelajar dalam pengajian Islam di luar bilik kuliah.

Kesan Dan Hasil Daripada Program Dan Aktiviti Yang Dijalankan

Jika pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti untuk mewujudkan persekitaran keilmuan dan bahasa Arab di fakulti yang baik ini berterusan, ia akan dapat mempertingkatkan kemahiran bahasa di kalangan Arab pelajar. Hasil positif dan kesan baik akan ditunjukkan oleh para pelajar yang terlibat langsung dalam program-program ini.

Dengan kewujudan beberapa pensyarah yang sentiasa melazimi komunikasi menggunakan bahasa Arab bersama para pelajar di luar bilik kuliah, dan dijalankannya kelas-kelas serta *halaqah durus* setiap minggunya, para pelajar akan tertarik dan mencuba untuk bercakap dalam bahasa Arab dengan tidak merasa malu lagi.

Dapat dipastikan para pelajar yang merupakan ahli kelab *Nadi Lughoh* di fakulti dan mereka yang aktif mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan akan mempunyai keyakinan lebih untuk berkomunikasi dengan bahasa Arab, dan sentiasa melazimi bahasa Arab jika berjumpa dengan pendidik (guru dan pensyarah) di fakulti atau sekadar bertanya sesuatu dalam bahasa Arab dengan niat melatih kemahiran komunikasi.

Di samping itu, para pelajar ini mempunyai minat yang lebih untuk mempelajari bahasa Arab dan sentiasa akan hadir di *halaqah-halaqah durus* yang dijalankan di fakulti setiap minggunya. Kesempatan berinteraksi dan minat dalam menguasai bahasa Arab yang lebih, para pelajar ini mempunyai rekod kecemerlangan akademik yang lebih baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang tidak mengikuti program-program bahasa Arab di fakulti. Perkara ini wajar berlaku kerana tingkat kemahiran dan minat bahasa Arab pelajar itu memperngaruhi tahap pencapaian akademik khasnya kursus-kursus yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya.

Kesimpulan

Fenomena lemahnya kemampuan bahasa Arab pelajar dipengaruhi oleh banyak faktor dari luar mahupun dalam. Sudah saatnya keadaan ini perlu dicarikan solusinya agar tidak dianggap mensia-siakan kemampuan dan latarbelakang bahasa Arab para pelajar yang sedia ada sebelum mereka diterima masuk ke peringkat pengajian di fakulti-fakulti pengajian Islam daripada universiti-universiti tempatan. Sistem kurikulum yang tidak sepenuhnya memihak kepada

kepentingan pelajar dan kurangnya minat serta ketiadaan persekitaran yang baik, tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak boleh bergerak dan membuat perubahan. Justeru, usaha sama dari setiap fakulti dalam mewujudkan persekitaran yang baik dan sokongan padu kepada segala usaha ke arah memperkasakan kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar perlu dihargai dan disokong. Kesedaran bahawa kunci keberhasilan mempelajari ilmu-ilmu Naqli terletak pada kemahiran bahasa Arab perlu ditingkatkan dan disebar-luaskan di kalangan pelajar, agar mereka mengetahui pentingnya bahasa Arab untuk kejayaan mereka di sepanjang tempoh pengajian. Justeru, kejayaan agenda mengintegrasikan ilmu Naqli (wahyu) dan ilmu Aqli (Sains) di universiti dapat dicapai jika kemahiran bahasa Arab di kalangan pelajar dapat ditingkatkan ke tahap yang diharapkan.

Rujukan

- Al-Janzuri, Fariyah, Kesukaran mempelajari bahasa Arab bagi penutur bukan Arab di fakulti Dakwah di Libya, Phd Thesis, UKM, Bangi 2012.
- Al-Sarami, Abdul Latif. 2008. Qaedah Ma La Yudraku Kulluhu La Yutraku Julluhu, Ta'silan wa Tatbiqan. Jamiah Imam Muhammad Bin Saud Magazine. Ed. 6. Muharram 1429.
- Al-Khatib, Muhammad Abdul Fattah, Kemampuan komunikasi di kalangan pelajar bahasa Arab dari penutur bukan Arab, Artikel dibentangkan pada persidangan antarabangsa pengajaran bahasa Arab untuk penutur bukan Arab, Universiti Malik Saud, Riyadh, 2009.
- Al-Muslim Mustapa, Zamri Arifin. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azman Che Mat, Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis, AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20, Universiti Teknologi MARA, Malaysia.
- Febrian, Dedek, Kaedah Terbaik untuk aktiviti bahasa Arab di luar bilik darjah, kertas kerja dibentangkan dalam Seminar bahasa Arab Peringkat Negeri Selangor ke-2, Kuala Selangor, 2012.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. 2010. Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). GEMA Online™ Journal of Language Studies. Volume 10(3) 2010: 15-33
- Hassan Basri, A.M.D. 2005. Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus: Satu Pandangan Awal. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ishak Mohd Rejab. 1992. Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Dlm. Ismail Mohammad Abdillah Samsuiman, Miss Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan antara kualiti guru bahasa Arab dan kecenderungan minat pelajar dalam bahasa Arab. Jurnal Kemanusiaan Bil. 22. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kadir, Kamaruddin, Kesukaran yang dihadapi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab, artikel dibentangkan dalam persidangan bahasa Arab antarabangsa: cakrawala dan tantangannya antara Malaysia dan Cina, Beijing, 2011.
- Nadi Lughoh FSU, Kertas kerja bengkel pemantapan bahasa Arab untuk pelajar fakulti syariah dan undang-undang, USIM, 2015.
- Rahimi, M. S., Zawawi, I., Wan Nordin, W. A., (n.d). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Web.
- Rosni Samah. 2009. Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Sohair Abdel Moneim Sery 1990. Satu Tinjauan Tentang Masalah-Masalah Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Tesis (Sarjana Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The National Centre for Language, in: Content and Language Integrated Learning (CLIL), <http://www.cilt.org.uk> (accessed on: 22/5/2015)
- Tuimah, Rushdi, Pengajaran bahasa Arab kepada bukan penutur Arab: kaedah dan caranya, Maroko, 1989, Rabat.
- Wan Azura dan Lubna Abd Rahman. 2005. Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zaini, Abdul & Redzaudin, Muhammad & Ismail, Rufian & Zakaria, Noorshamsinar & Hamdan, Hasmadi & Rushdan, Mohamad. 2017. Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017, At Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Volume: 1